



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN BUKIT BARU,
PETI SURAT No. 62,
75150 BUKIT BARU,
MELAKA

Pejabat Am : 06-2319869
Fax : 06-2312326
HEM/Dadah : 06-2319869
Kokurikulum : 06-2312848
Fax : 06-2312848
Sukan : 06-2312845
Unit Pendidikan Islam : 06-2314497

Rujukan kami : JPM.SPK.SKN.700-15/6/2/Jld.2(3)
Tarikh : 22 Februari 2010

Semua Pengetua / Guru Besar,
Sekolah-Sekolah Negeri Melaka.

Tuan ,

MAKLUMAN PENYERTAAN KEJOHANAN BADMINTON MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MELAKA 2010

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Sekolah Menengah Air Molek telah dipilih sebagai Pengelola Negeri dalam Kejohanan Badminton MSS Melaka Tahun 2010 yang dijangka akan diadakan pada 26 hingga 30 April 2010 yang melibatkan kategori bawah 12,15 dan 18 tahun (acara perseorangan) untuk lelaki dan perempuan.

3. Bersama-sama ini disertakan Borang Penyertaan bagi pelajar yang akan mengambil bahagian dalam kejohanan ini. Sila kembalikan borang penyertaan yang lengkap beserta bayaran kepada **Pengetua SMK Air Molek**, Jalan Bukit Lintang, 75460 Melaka atau Fax 06-2672599 pada atau sebelum 23 MAC 2010 (Hari Selasa). Penyertaan yang lewat dari tarikh tersebut akan ditolak.

4. Untuk makluman, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sukan MSS Melaka Bil.1/2010 yang dipengerusikan oleh YDP MSS Melaka, segala aktiviti sukan dan permainan tahun ini berfokuskan "**School Based**". Sehubungan itu bagi sukan Badminton, sekolah dikehendaki menjelaskan bayaran penyertaan sebanyak RM10.00 dan bayaran pengadil/teknikal sebanyak RM5.00 bagi setiap pemain. Segala bayaran menggunakan cek atas nama **Pengetua SMK Air Molek**. Sebarang pertanyaan sila hubungi *Tn. Hj Rosli bin Mohd Nor, Unit Sukan JPNM di talian 06-2326478 atau 013-6111165*

5. Kerjasama dan komitmen tuan/puan amat kami hargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(**HAJI DAUD BIN ABDULL**)

Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan
Jabatan Pelajaran Melaka.

- S.k
1. Pengarah Pelajaran Melaka
 2. Timbalan Pengarah Pelajaran Melaka
 3. Semua Ketua Sektor JPM
 4. PPD Melaka Tengah/Jasin/Alor Gajah

BORANG PENYERTAAN

KEJOHANAN BADMINTON INDIVIDU MSSM NEGERI MELAKA 2010

KATEGORI UMUR

(Tandakan X pada kotak yang berkenaan)

<input type="checkbox"/>	Lelaki 12 tahun dan ke bawah
<input type="checkbox"/>	Perempuan 12 tahun dan ke bawah
<input type="checkbox"/>	Lelaki 15 tahun dan ke bawah
<input type="checkbox"/>	Perempuan 15 tahun dan ke bawah
<input type="checkbox"/>	Lelaki 12 tahun dan ke bawah
<input type="checkbox"/>	Perempuan 12 tahun dan ke bawah

(Gunakan borang penyertaan yang berasingan untuk setiap kumpulan umur)

Nama Kawasan :

Pengurus Pasukan : No. Telefon :

PERSEORANGAN

Bil	NAMA PEMAIN	SEKOLAH	NO. KAD PENGENALAN
1			
2			
3			
4			

Peringatan :

1. Setiap sekolah perlu membayar wang penyertaan RM 10.00.
2. Setiap penyertaan / entri dikenakan bayaran kepengadilan RM 5.00 sahaja.

Borang penyertaan hendaklah disertakan dengan salinan kad pengenalan pemain dan Disahkan oleh pengetua / guru besar sekolah

- 1.6 Bagi pertandingan badminton, mesyuarat mengambil keputusan setiap sekolah yang mengambil bahagian perlu membayar RM10.00 dan tambahan RM5.00 bagi setiap entri / pemain. Bayaran tersebut hendaklah dikemukakan kepada sekolah pengelola sebagai menampung kos pengurusan.
- 1.7 Beliau memaklumkan bahawa Kejohanan MSSM di peringkat kebangsaan hanya mempertandingkan kategori bawah 18 tahun sahaja namun di peringkat negeri kategori yang dipertandingkan ialah bawah 18 tahun, 15 tahun dan 12 tahun sahaja.
- 1.8 Pegawai-pegawai yang mewakili negeri Melaka ke peringkat kebangsaan juga dimaklumkan tidak boleh membuat sebarang tuntutan. Selain itu tiada tugas atau jawatan ketua kontingen bagi kategori bawah 18 tahun ke peringkat kebangsaan.
- 1.9 Beliau turut menegaskan bahawa sekolah-sekolah yang mengambil bahagian perlu membawa bulu tangkis (*shuttlecocks*) sendiri.
- 1.10 Beliau memperingatkan kepada pengerusi pengelola supaya berusaha mendapatkan penajaan daripada pihak syarikat persendirian bagi menampung kos pengurusan.

Tindakan : Sekolah Pengelola

2.0 Ucapan Pengerusi Teknik Badminton Negeri En. Abdul Ghani b. Ahmad

- 2.1 En. Abd. Ghani mengucapkan terima kasih kepada Ketua Unit Sukan dan semua yang hadir dalam mesyuarat pertama pengelolaan Kejohanan Badminton MSS Melaka.
- 2.2 En. Abd. Ghani menegaskan bahawa pada tahun ini format pertandingan terdapat perubahan iaitu tiada acara beregu bagi kategori yang dipertandingkan seperti yang tercatat dalam borang penyertaan. Pemain perseorangan yang terpilih mewakili negeri Melaka akan turut menyertai acara beregu.
- 2.3 Beliau menambah bahawa pertandingan akan dijalankan secara individu dan tidak berdasarkan kawasan peserta tersebut.
- 2.4 Pengerusi Pengelola iaitu SMK Air Molek tidak akan mengelolakan pertandingan pusingan kelayakan peringkat zon sekiranya terdapat banyak penyertaan sebaliknya hanya menumpukan pengelolaan peringkat negeri.
- 2.5 Pengerusi Teknik memohon agar semua Penyelia Sukan di setiap Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dapat memainkan peranan dan melibatkan senarai asal pengelola kawasan sebagai AJK pertandingan.

Tindakan : Penyelia Sukan Daerah

**MESYUARAT TEKNIKAL DAN PENGELOLAAN
KEJOHANAN BADMINTON MSS MELAKA
BIL 1 / 2010**

Tarikh : 11 Februari 2010
Hari : Khamis
Tempat : Bilik Mesyuarat Melati, JPM, Bukit Baru
Jam : 3.00 petang

Kehadiran :

Pn. Zainah bt. Hassan (Ketua Unit Sukan)
Tn. Hj. Rosli b. Mohd Nor (Penyelia Kanan Unit Sukan)
En. Abd. Ghani b. Ahmad (Pengerusi Teknik Badminton)
Tn. Hj. Abd. Rahman b. Hj. Yunus (Penyelia Sukan PPD Melaka Tengah)
En. Zulkifli b. Md. Daud (GPK Koku SMK Air Molek)
En. Momfarid b. Ngadiman (SMK Air Molek)
En. Mohd. Nazry b. Mustafar (SMK Seri Mahkota)
En. Zainal b. Adam (STHAM)
En. Jamil b. Hashim (SMK Rahmat)
En. Kassim b. Mohd. Yunos (SM Teknik DSMZ)
Pn. Kristil Tan Ai Teng (SMK Munshi Abdullah)
En. Ang Tiam Eng (SMK Ayer Keroh)
En. Md. Shah b. Kassim (SMK Teknik Jasin)

1.0 Ucapan Ketua Unit Sukan : Pn. Zainah bt. Hassan

- 1.1 Pn. Zainah mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dalam mesyuarat teknikal dan pengelolaan Kejohanan Badminton MSS Melaka kali pertama bersama Pengerusi Pengelola iaitu SMK Air Molek.
- 1.2 Beliau menegaskan bahawa semua keputusan mesyuarat adalah muktamad sebelum kejohanan yang dijadualkan pada bulan April.
- 1.3 Beliau turut menambah bahawa senario tahun 2010 merupakan penganjuran kejohanan yang agak sukar berikutan faktor kewangan kerana sehingga pada tarikh mesyuarat diadakan belum ada pengesahan rasmi di peringkat tertinggi untuk menampung perbelanjaan kesemua 24 jenis permainan.
- 1.4 Penegasan daripada Ketua Unit Sukan walaupun perbelanjaan untuk atlet disediakan namun pegawai yang terlibat tidak boleh membuat sebarang tuntutan. Namun sebagai menghargai pengorbanan pegawai teknikal/pengadil akan diberi saguhati.
- 1.5 Keputusan Mesyuarat Pengurusan Sukan Jabatan Pelajaran Melaka menetapkan tiada perlaksanaan pertandingan di peringkat kawasan sebaliknya terus ke peringkat negeri untuk mengurangkan kos pengurusan.

disertakan wang penyertaan RM10.00 bagi setiap sekolah dan bayaran RM5.00 bagi setiap entri / pemain. Borang yang lewat dihantar daripada tarikh yang dinyatakan kepada sekolah pengelola tidak akan diproses.

- 2.14 Unit Sukan JPN akan mengeluarkan surat arahan bayaran kepada sekolah-sekolah yang akan mengambil bahagian kepada sekolah pengelola
Sekiranya terdapat pusingan kelayakan En. Abd. Ghani memaklumkan bahawa pertandingan pusingan kelayakan akan diadakan pada 4 – 9 April 2010.
Sekiranya tiada pusingan kelayakan, tarikh Kejohanan ditetapkan pada 26 – 30 April 2010.
Tarikh pengundian pula ditetapkan pada 12 atau 13 Mac 2010 di tempat yang akan dimaklumkan kemudian kepada sekolah yang mengambil bahagian. Pn. Kristil Tan akan membantu dalam perkara ini bagi penentuan 'seeding' pemain.
- 2.15 Latihan Pusat bagi pemain yang terpilih pula akan dijalankan pada 24 Mei – 4 Jun 2010 manakala pertandingan peringkat kebangsaan ialah pada 8 – 12 Jun 2010.
- 2.16 Merujuk kepada perkara 13 En. Abd. Ghani menegaskan iaitu setiap bantahan mestilah daripada pengurus pasukan yang berdaftar berserta borang dan wang pertaruhan sebanyak RM200.00 dan bukannya oleh ibu bapa pemain.
Tindakan : Pengurus-Pengurus Pasukan

3.0 Hal-hal lain


- 3.1 Pn. Zainah memaklumkan bahawa peruntukan yang telah diluluskan ialah RM3.00 x bilangan ahli pada setiap kali mesyuarat.
- 3.2 En. Abd. Ghani memaklumkan bahawa senarai nama pengadil akan diputuskan dalam mesyuarat JK Pengadil.
Unit Sukan akan mengeluarkan surat perlantikan pengadil dan pegawai teknikal.
- 3.3 Pn. Zainah turut meminta sekolah pengelola mengurangkan bilangan pegawai teknikal pada hari pertandingan kecuali yang bertugas sahaja.
- 3.4 En. Md. Shah Kassim mencadangkan agar pihak Unit Sukan menimbangkan kebajikan guru-guru yang terlibat sebagai jurulatih semasa latihan pusat diadakan.
Pn. Zainah memaklumkan bahawa belum ada keputusan rasmi berkaitan hal tersebut.
En. Abd. Ghani meminta agar bayaran sagu hati referi kehormat dapat diuruskan oleh Unit Sukan JPN.
- 3.5 Pn. Zainah Hassan mengingatkan sekolah pengelola sentiasa berhubung dengan Unit Sukan dalam hal urusan surat menyurat.

- 2.6 Beliau memaklumkan bahawa sekolah pengelola perlu menghantar surat jemputan kepada semua sekolah di negeri Melaka bersama borang penyertaan dan peraturan pertandingan dengan kerjasama Unit Sukan JPN.
Tindakan : Sekolah Pengelola
- 2.7 Beliau menegaskan bahawa mesyuarat telah mengambil keputusan bahawa setiap sekolah hanya boleh menghantar empat (4) pemain lelaki dan empat (4) pemain perempuan bagi kategori bawah 18 tahun manakala hanya dua (2) pemain lelaki dan dua (2) pemain perempuan bagi kategori bawah 12 tahun.
- 2.8 Dalam peraturan pertandingan pula En. Abd. Ghani memaklumkan tiada acara beregu dipertandingkan.
- 2.9 Setiap sekolah perlu membayar RM10.00 (sepuluh ringgit) sebagai bayaran penyertaan dan tambahan bayaran pengadilan RM5.00 (lima ringgit) bagi setiap entri / pemain.
- 2.10 Merujuk kepada Perkara 11.2, setiap sekolah perlu menyediakan sendiri bulu tangkis (*shuttlecocks*) dan jenama yang ditetapkan oleh mesyuarat ialah E FEEL dan APACS. Jenama lain tidak dibenarkan. Mesyuarat juga turut membenarkan pihak pengerusi pengelola menjual bulu tangkis tersebut dengan harga RM54.00 sedozen atau RM6.00 sebiji di venue pertandingan.
- 2.11 En. Abd. Ghani juga menekankan kriteria pemilihan pemain ke Kejohanan MSSM 2010.
Pemilihan pemaian akan dibuat berdasarkan kriteria pemilihan seperti berikut;
1. Keputusan Kejohanan Badminton MSSNM 2010 dan pemenang tidak secara automatik dipilih mewakili MSS Negeri Melaka ke Kejohanan MSSM
 2. Status dan Kelayakan Pemain;
 - a) berdasarkan ranking semasa oleh Persatuan Badminton Negeri dan Kebangsaan
 - b) prestasi dan persembahan semasa
 3. Pemilihan JK Pemilihan ke atas kelemahan dan kekuatan pemain
 4. Status dan prestasi semasa pemain Sekolah Sukan Bukit Jalil
 5. Berdasarkan peluang yang ada
 6. Berdasarkan keperluan dan strategi pasukan/jurulatih
 7. Pemilihan akan dibuat oleh JK Pemilihan yang dilantik oleh JK Pengelola dan keputusan adalah muktamad
- 2.12 En. Abd. Ghani meminta kerjasama sekolah pengelola segera menghantar surat jemputan kepada semua sekolah di negeri Melaka.
- 2.13 Beliau menegaskan bahawa sekolah yang ingin mengambil bahagian mesti menyerahkan borang penyertaan sebelum atau pada 10 Mac 2010 kepada sekolah pengelola iaitu SMK Air Molek dan setiap borang penyertaan mesti

- 3.6 En. Md. Shah Kassim mengutarakan persoalan keselamatan pemain semasa perlawanan dan memohon sekolah pengelola dapat memastikan tiada gangguan daripada pengurus atau ibu bapa di gelanggang semasa perlawanan berlangsung
Tindakan : Sekolah Pengelola
- 3.7 En. Abd. Ghani memohon Unit Sukan JPN menanggung kos persiapan pasukan negeri seperti 'shuttlecocks' dan kos-kos lain yang difikirkan perlu.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.20 petang

Minit mesyuarat disediakan oleh;



(EN. MOMFARID B. NGADIMAN)
Sek. Men. Keb. Air Molek

Minit mesyuarat disahkan oleh;



MADZLAN BIN MAHAT
Guru Penolong Kanan 1
SMK Air Molek, Melaka.

- sk.
1. Pegawai Pelajaran Daerah Melaka Tengah
 2. Ketua Unit Sukan JPM
 3. Penyelia Sukan PPDMT / Penyelaras Badminton
 4. Semua sekolah menengah dan sekolah rendah negeri Melaka
 5. Fail